

BAB 6
KESIMPULAN

BAB 6

KESIMPULAN

1. Kajian ini telah dijalankan di 12 tapak kajian di sepanjang Sungai Gombak dan cabangnya. Bagi tahun 1993, bilangan ikan yang berjaya ditangkap ialah 2254 ekor ikan dengan berat sebanyak 12,884.6 gram. Bagi tahun 1994 pula, 1854 ekor ikan telah ditangkap dengan jumlah berat sebanyak 18,879.2 gram.
2. Pada tahun 1993, 23 spesies ikan daripada 12 famili yang telah ditangkap manakala bagi tahun 1994 pula, hanya 20 spesies ikan daripada 12 famili juga yang berjaya ditangkap.
3. Dari segi kelimpahan, pada tahun 1993, tapak kajian 7 iaitu di Sungai Rumput mempunyai kelimpahan tertinggi iaitu 371 ekor ikan manakala tapak kajian 10 iaitu di batu 7 mengandungi kelimpahan terendah iaitu 86 ekor ikan. Dari segi bilangan individu untuk satu hektar, tapak kajian 7 masih lagi mempunyai kelimpahan tertinggi iaitu melebihi 8000 ekor ikan bagi satu hektar manakala tapak kajian 11 iaitu di batu 5 $\frac{1}{2}$ mempunyai kelimpahan paling rendah dengan bilangan melebihi 900 ekor ikan se hektar.

4. Bagi tahun 1994 pula, tapak kajian 2 iaitu di Sungai Ulu Gombak mempunyai kelimpahan tertinggi dengan bilangan ikan sebanyak 352 ekor manakala tapak kajian 9 iaitu di Sungai Pusu hanya mempunyai 27 ekor ikan sahaja. Dari segi bilangan individu bagi satu hektar, tapak kajian 2 masih lagi mempunyai kelimpahan tertinggi iaitu melebihi 10,000 ekor ikan se hektar manakala tapak kajian 11 (batu 5^{1/2}) mempunyai kelimpahan paling sedikit dengan hanya 300 ekor ikan bagi satu hektar.

5. Spesies *Neolissochilus soroides* dan *Poropuntius smedleyi* terdapat hampir di setiap tapak kajian.

6. Spesies *Neolissochilus soroides* didapati paling berat tetapi *Poropuntius smedleyi* adalah paling dominan dan didapati dengan banyaknya. Bagi tahun 1993, *Neolissochilus soroides* mempunyai jumlah berat keseluruhan sebanyak 4534.9 gram dan *Poropuntius smedleyi* terdiri daripada 896 ekor manakala bagi tahun 1994 pula, berat keseluruhan spesies *Neolissochilus soroides* ialah 8889.1 gram dan bilangan *Poropuntius smedleyi* ialah 805 ekor.

7. Tapak kajian 12 iaitu di Sungai Batu mempunyai kepelbagaian tertinggi dengan mengandungi sebanyak 11 spesies.

8. Bagi tahun 1993, berat basah ikan tertinggi ialah di tapak kajian 12 (Sungai Batu) iaitu hampir 3000 gram manakala berat basah terendah ialah di tapak kajian 8 (batu 9) iaitu hampir 400 gram. Dari segi biomasa, tapak kajian 9 (Sungai Pusu) mempunyai biomasa tertinggi iaitu 39 kg se hektar manakala tapak kajian 8 (batu 9) mempunyai biomasa paling sedikit iaitu 4 kg se hektar.

9. Bagi tahun 1994 pula, tapak kajian 2 (Sungai Ulu Gombak) mengandungi berat basah ikan tertinggi iaitu hampir 6000 gram manakala tapak kajian 9 (Sungai Pusu) mengandungi berat basah terendah iaitu melebihi 100 gram. Dari segi biomasa pula, tapak kajian 2 masih lagi mempunyai biomasa tertinggi iaitu 165 kg se hektar manakala tapak kajian yang mempunyai biomasa paling rendah ialah tapak kajian 5 (PPL) dengan nilai sebanyak 4 kg se hektar.

10. Jumlah keseluruhan biomasa bagi tahun 1993 ialah melebihi 200 kg bagi satu hektar manakala bagi tahun 1994 pula, jumlah keseluruhan biomasa ialah melebihi 350 kg se hektar.

11. Secara keseluruhannya, famili Cyprinidae menjadi famili yang paling dominan dengan menyumbangkan nilai lebih daripada 41 %.

12. Persamaan regresi keempat-empat spesies bagi gabungan kedua-dua tahun 1993 dan 1994 iaitu *Poropuntius smedleyi*, *Neolissochilus soroides*, *Puntius binotatus* dan *Glyptothorax major* adalah berbeza, iaitu $W = 0.0059 L^{3.18}$, $W = 0.0023 L^{3.54}$, $W = 0.0097 L^{3.14}$ dan $W = 0.0059 L^{3.28}$ masing-masing, di mana W = berat (g) dan L = panjang keseluruhan (cm).
13. Bagi tahun 1993, purata faktor keadaan (K) yang paling tinggi ialah *Oreochromis mossambicus* dengan nilai 2.0038 manakala yang paling rendah ialah *Neolissochilus soroides* dengan nilai 0.5611.
14. Bagi tahun 1994 pula, purata faktor keadaan (K) yang tertinggi ialah *Puntius binotatus* dengan nilai 1.3548 manakala yang paling rendah ialah *Glyptothorax major* dengan nilai 0.9340.
15. Faktor keadaan (K) yang paling tinggi bagi gabungan kedua-dua tahun 1993 dan 1994 ialah *Puntius binotatus* dengan nilainya 1.29. K_n bagi kelima-lima spesies ikan adalah hampir serupa.
16. Indeks diversiti Shannon-Weiner yang tertinggi bagi tahun 1993 ialah 1.82 iaitu di tapak kajian 12 (Sungai Batu) manakala yang paling rendah ialah 0.52 iaitu di tapak kajian 6 (Alang Sedayu). Secara keseluruhan, nilai purata indeks diversiti ialah 0.97.

17. Bagi tahun 1994 pula, indeks diversiti Shannon-Weiner tertinggi ialah 2.21 iaitu di tapak kajian 12 (Sungai Batu) manakala yang paling rendah ialah 0.46 iaitu di tapak kajian 6 (Alang Sedayu). Secara keseluruhannya, nilai purata indeks diversiti bagi tahun ini ialah 1.13.

18. Indeks Kesamaan Schoener yang tertinggi bagi tahun 1993 ialah tapak kajian 4 (batu 16 $\frac{1}{2}$) dan 5 (PPL) dengan nilai 0.91 manakala yang paling rendah ialah tapak kajian 6 (batu 14) dan 10 (batu 7) dengan nilai 0.02.

19. Bagi tahun 1994 pula, Indeks Kesamaan Schoener yang paling tinggi ialah tapak kajian 2 (Sungai Ulu Gombak, batu 21) dan 5 (PPL) dengan nilai 0.92 manakala indeks yang paling rendah ialah tapak kajian 3 (batu 19) dan 9 (Sungai Pusu, batu 8) dengan nilai sifar.